

# Mangsa banjir Sarawak meningkat 7,965 orang



Permandangan dari udara keadaan banjir di Kampung Endap, Kota Samarahan, kira-kira 30 kilometer dari Kuching. - Foto: BERNAMA

**KUCHING** - Jumlah mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan di bahagian Kuching, Serian dan Samarahan meningkat sedikit kepada 7,965 orang daripada 2,051 keluarga tengah hari, semalam.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan

Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Sarawak, Siti Huzaimah Ibrahim berkata, angka itu tidak banyak berubah berbanding jumlah mangsa sebelah pagi iaitu 7,931 orang daripada 2,033 keluarga.

Beliau berkata, satu lagi pusat pe-

mindahan dibuka di daerah Bau menjadikan jumlah di ketiga-tiga bahagian itu kini 48 pusat pemindahan.

Menurutnya, keadaan cuaca di ketiga-tiga bahagian sejak awal pagi semalam cukup memberangsangkan. - *Bernama*